

11/01/1999

Pelantikan tepat: Razaleigh

Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Ahad - Bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata pemilihan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri adalah tepat kerana beliau mempunyai kelayakan.

Malah, katanya, pelantikan Abdullah itu juga selaras tradisi Umno yang mana kekosongan jawatan Timbalan Perdana Menteri diisi oleh Naib Presiden parti yang berkuasa.

Beliau juga berkata, sususan Kabinet yang baru diumumkan dua hari lalu amat tersusun dan baik serta boleh membantu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengatasi masalah ekonomi dan politik yang dihadapi negara.

"Saya menyeru rakyat memberi sepenuh sokongan dan kerjasama kepada pucuk pimpinan bagi menjalankan tugas mengatasi segala masalah yang dihadapi.

"Saya yakin dengan adanya pakatan pasukan baru akan lebih memudahkan usaha untuk mengatasi sebarang masalah yang dihadapi, khususnya menjelang pilihan raya," katanya yang turut mengucapkan tahniah kepada Abdullah.

Mengenai penangguhan pemilihan anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno, beliau berkata, keputusan itu membolehkan Umno membuat persiapan untuk menghadapi pilihan raya umum yang akan diadakan paling lewat April tahun depan.

Mengenai spekulasi sebelum ini bahawa beliau akan turut dipertimbangkan bagi jawatan Timbalan Perdana Menteri, Tengku Razaleigh berkata:

"Saya sememangnya tidak layak dilantik kerana saya bukan daripada hirarki Umno. Saya cuma ahli biasa.

"Apa yang digembar-gemburkan itu hanyalah spekulasi. Saya tiada kuasa untuk menahan mereka daripada berbuat demikian. Tetapi, saya sudah maklumkan kepada sahabat saya bahawa saya tidak layak dipertimbangkan," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian bantuan zakat, hari raya dan majlis berbuka puasa Umno Bahagian Cheras, Wilayah Persekutuan, di sini hari ini.

Pada majlis itu, Tengku Razaleigh menyampaikan sumbangan Umno Bahagian Cheras kepada 285 penduduk kurang bernasib baik di sekitar kawasan berkenaan.

Sementara itu, beliau turut menyokong penubuhan badan siasatan bebas bagi menjalankan siasatan kes kecederaan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan membawa mereka yang bersalah ke muka pengadilan.

"Langkah kerajaan mengadakan badan siasatan bebas ini dapat membuktikan ketelusan kerajaan dalam menegakkan undang-undang," katanya.

(END)